PROSIDING PERKEM IV, JILID 2 (2009) 185-198
ISSN: 2231-962X

INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) DAN PINJAMAN KEWANGAN DI SABAH: SATU ANALISIS EMPIRIKAL

(SMALL AND MEDIUM INDUSTRY (SME) AND FINANCIAL ASSISTANCE IN SABAH: AN EMPIRICAL ANALYSIS)

MORI KOGID, KASIM MANSUR, DULLAH MULOK & WILSON AKMADIA

ABSTRAK

Kemantapan ekonomi sesebuah negara dalam menghadapi cabaran arus pembangunan banyak dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi global. Malah, keadaan ekonomi global yang tidak menentu ini merupakan cabaran besar kepada daya saing pembangunan ekonomi yang mampan. Industri kecil dan sederhana yang berperanan dalam memacu pembangunan ekonomi negara misalnya banyak menerima kesan negatif ekoran ketidaktentuan persekitaran ekonomi global ditambah dengan masalah kemudahan pembiayaan kewangan (pinjaman kewangan) yang semakin meruncing. Idea di sebalik kajian ini adalah untuk menganalisis hubungan di antara industri kecil dan sederhana dan kemudahan pembiayaan kewangan secara empirikal dalam jangka pendek dan jangka panjang di negeri Sabah. Pendekatan Engle-Granger diaplikasi dalam memodelkan dan menganalisis hubungan ini dengan menggunakan data siri masa tahunan bermula dari tahun 1976 hingga 2005. Walaupun pada dasarnya, kejayaan industri kecil dan sederhana banyak dikaitkan dengan kemudahan pembiayaan kewangan sama ada dalam jangka pendek mahupun jangka panjang, namun hasil kajian kami menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan di antara industri kecil dan sederhana dan kemudahan pembiayaan kewangan dalam kedua-dua tempoh masa. Ini memberi kesimpulan bahawa mungkin kemudahan pembiayaan kewangan bukanlah faktor yang terpenting dalam pembangunan industri kecil dan sederhana tetapi lebih berperanaan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri ini.

Kata kunci: IKS; pinjaman kewangan; Engle-Granger; Sabah .

ABSTRACT

The resilient an economy in facing challenges is very much influenced by global economic uncertainty. In fact, this uncertainty is the biggest challenge in the economic development toward sustaining economic growth competitiveness. Small and medium industry which has crucial role in spurring country's economic growth for example, may receive negative impact from global economic uncertainties as well as crucial financing. The idea behind this study is to analyze relationships between small and medium industry and financing facility in long and short run in Sabah. The Engle-Granger approach is applied in modelling and analyzing this relationship using annual time series data from year 1976 to 2005. Even though in principal whether in the short or long run, the success of small and medium industry is mostly linked to financing facilities the result of this study indicates that there is no relationship in both periods. This brings to a conclusion that financing facilities may not be the important factor in the growth of small and medium industry, but more as a catalyst to the industry's growth.

Keywords: SME, financing, Engle-Granger, Sabah

1. Pengenalan

Kemantapan ekonomi sesebuah negara dalam menghadapi cabaran arus pembangunan banyak dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi global. Malah, keadaan ekonomi global yang tidak menentu ini merupakan cabaran besar kepada daya saing pembangunan ekonomi yang mampan. Industri kecil dan sederhana yang berperanan dalam memacu pembangunan ekonomi negara misalnya banyak menerima kesan negatif ekoran ketidaktentuan persekitaran ekonomi global ditambah dengan masalah kemudahan pembiayaan kewangan (pinjaman kewangan) yang semakin meruncing.

Penubuhan Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad (Bank SME) pada tahun 2005 telah telah menggalakkan dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan perkembangan Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia. Penubuhan Bank SME adalah hasil daripada penyatuan semula Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB) dan Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad (BITMB). Penubuhan Bank SME dijangka mampu memberikan kesan besar yang positif kepada pertumbuhan sektor perusahaan yang menjadi tulang belakang pembangunan ekonomi negara (Berita Harian, Disember 2005).

Penubuhan Bank SME pada tahun 2005 telah merancakkan lagi perkembangan sektor PKS dengan pengwujudan dana modal teroka RM1 bilion untuk memberikan suntikan modal kepada syarikat PKS yang menunjukkan pertumbuhan kukuh dan mempunyai lebihan daya saing. Kira-kira 600,000 syarikat PKS di seluruh negara terbabit dalam pelbagai bidang seperti pertanian, pembuatan dan perkhidmatan (Berita Harian, Januari 2006; Bank Negara Malaysia). Usaha menjadikan sektor PKS sebagai asas utama pertumbuhan perindustrian negara akhirnya meletakkan sektor PKS merangkumi lebih daripada 96.1 peratus daripada kegiatan perniagaan di Malaysia. Sehingga Ogos 2005, sektor PKS menyumbang 29.3 peratus pengeluaran dengan pendapatan RM75.2 bilion bagi sektor perkilangan negara (Berita Harian, Disember 2005).

Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Pembangunan Perindustrian negeri Sabah, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) telahpun menapak di Sabah sejak tahun 1978 lagi. Bilangan firma IKS yang ada di Sabah pada masa itu hanya empat buah sahaja dan mengalami peningkatan dari tahun ke tahun. Pada tahun 2005, berdasarkan sumber daripada jabatan yang sama, terdapat sebanyak 576 buah firma IKS di Sabah.

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bukanlah satu industri yang baru muncul di Malaysia. Industri ini telah mula berkembang di luar negara seperti Amerika Syarikat, Jepun, Britain dan Korea Selatan. Sejak dahulu lagi sudah terdapat banyak kajian yang dibuat oleh para penyelidik untuk mengetahui lebih mendalam lagi tentang pengertian IKS tidak kira dalam Malaysia mahupun di luar Malaysia. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Britain dan Jepun memang mengambil berat tentang IKS kerana industri ini mampu memberi sumbangan yang besar dalam Keluaran Dalam Negara Kasar sesebuah negara. Begitu juga di Malaysia, kajian terus dilakukan untuk memajukan IKS agar industri ini dapat menyumbang dalam ekonomi negara seperti menyediakan peluang perkerjaan kepada rakyat tempatan serta menjadi nadi penggerak kepada industri bersaiz besar.

Kebanyakan kajian yang dibuat terhadap IKS adalah lebih tertumpu kepada cara mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan, masalah mendapatkan pinjaman, kadar faedah yang dikenakan oleh pihak bank, skim-skim yang disediakan oleh pihak kerajaan serta beberapa maklumat yang diperlukan oleh pihak bank dalam proses pemberian pinjaman kepada IKS. Walau bagaimanapun, fokus dalam kajian ini adalah lebih tertumpu kepada menganalisis hubungan di antara industri kecil dan sederhana dan kemudahan pembiayaan kewangan secara empirikal dalam jangka pendek dan jangka panjang di negeri Sabah.

Penulisan dalam kajian ini melibatkan lima bahagian. Bahagian 2 menerangkan tentang kajian lepas. Data dan metodologi dalam bahagian 3. Sementara hasil keputusan empirikal dijelaskan dalam bahagian 4 dan seterusnya bahagian 5 adalah kesimpulan dan menutup perbincangan.

2. Kajian Lepas

Setakat ini, terdapat banyak definisi yang merujuk kepada makna IKS. Satu kajian yang telah dilakukan oleh Institut Teknologi Georgia di Amerika Syarikat misalnya mendapati terdapat lebih kurang 55 definisi yang berlainan di 75 buah negara di dunia (Mohd Asri, 1997).

Jika berdasarkan laporan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), industri kecil bermaksud seorang pengilang yang mempunyai modal berbayar tidak lebih daripada RM0.5 juta atau mempunyai pekerja sepenuh masa tidak lebih daripada 50 orang. Manakala industri sederhana pula bermaksud pemilikan aset antara RM0.5 juta hingga RM2.5 juta atau mempunyai pekerja antara 50 hingga 199 orang. Dengan ini, IKS didefinisikan sebagai industri yang asetnya tidak melebihi RM2.5 juta atau bilangan pekerjanya tidak melebihi 200 orang pekerja sepenuh masa (Mohd Asri, 1997).

Sementara, Perbadanan Jaminan Kredit pula mentakrifkan IKS sebagai industri yang mana modal rizab berbayarnya tidak kurang daripada RM0.1 juta bagi Bumiputera manakala untuk bukan Bumiputera pula tidak kurang daripada RM0.2 juta. Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan memberikan definisinya tersendiri berkenaan dengan IKS seperti dalam Jadual 1 dan Jadual 2 (Mohd Asri, 1997).

Jadual 1: Pendefinisian IKS Berdasarkan Jumlah Pekerja Sepenuh Masa

Saiz/Sektor	Pertanian Asas	Perkilangan dan Perkhidmatan berkaitan Perkilangan	Sektor Perkhidmatan (termasuk ICT)
Mikro	Kurang daripada 5 orang pekerja	Kurang daripada 5 orang pekerja	Kurang daripada 5 orang pekerja
Kecil	Antara 5 hingga 19 orang pekerja	Antara 5 hingga 50 orang pekerja	Antara 5 hingga 19 orang pekerja
Sederhana	Antara 20 hingga 50 orang pekerja	Antara 51 hingga 150 orang pekerja	Antara 20 hingga 50 orang pekerja

Jadual 2: Pendefinisian IKS Berdasarkan Jumlah Jualan Tahunan

Saiz/Sektor	Pertanian Asas	Perkilangan dan Perkhidmatan berkaitan Perkilangan	Sektor Perkhidmatan (termasuk ICT)
Mikro	Kurang daripada RM0.2 juta	Kurang daripada RM0.25 juta	Kurang daripada RM0.2 juta
Kecil	Antara RM0.2 juta hingga RM1 juta	Antara RM0.25 juta hingga RM10 juta	Antara RM0.2 juta hingga RM1 juta
Sederhana	Antara RM1 juta hingga RM5 juta	Antara RM10 juta hingga RM25 juta	Antara RM1 juta hingga RM5 juta

Berdasarkan laporan Kesatuan Eropah, IKS ditakrifkan sebagai suatu perusahaan yang mempunyai pekerja tidak melebihi 250 orang pekerja ataupun unjuran jualannya tidak

melebihi 40 juta Euro. Sebaliknya, Pentadbiran Perniagaan Kecil Amerika Syarikat pula mentakrifkan IKS sebagai satu perusahaan yang mempunyai pekerja tidak melebihi 500 orang ataupun unjuran jualannya tidak melebihi 5 juta Euro (Karmel, 2002).

Korea Selatan berdasarkan Akta Asas Industri Kecil dan Sederhana, Akta Kerjasama Industri Kecil dan Sederhana dan Akta Bank Industri Sederhana mendefinisikan IKS mengikut jumlah tenaga pekerja iaitu, tidak melebihi 300 orang pekerja bagi industri pembuatan, perlombongan dan pengangkutan tidak melebihi 200 orang pekerja bagi industri pembinaan (Hasnah & Rahmah, 1989). Dari segi harta pula, IKS ialah sebuah perusahaan yang mempunyai jumlah hartanya tidak melebihi 500 juta won atau bersamaan dengan USD676 000 pada ketika itu.

Sementara negara Jepun pula memberikan definisinya tersendiri terhadap IKS. Definisi tentang IKS di negara tersebut telah digariskan dengan jelas dalam Undang-undang Asas Industri Kecil dan Sederhana pada tahun 1973 iaitu IKS didefinisikan berdasarkan jumlah pekerja dan nilai modal berbayarnya (Madeline & Faridah, 1989).

Menurut Mohd Asri (1997) yang membuat kajian mengenai masalah pinjaman IKS, modal atau kredit merupakan antara masalah yang paling utama dihadapi oleh IKS. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh pengusaha-pengusaha Melayu tetapi juga di kalangan para pengusaha Cina dan India. Berdasrkan kajian beliau terhadap 491 pengusaha IKS di Semenanjung Malaysia pada tahun 1992, lebih kurang 71 peratus daripada jumlah tersebut menghadapi masalah untuk mendapatkan sumber kewangan atau kredit daripada bank perdagangan atau institusi-institusi kewangan lain. Selain itu, hasil kajian beliau juga menunjukkan bahawa kurangnya modal atau kredit berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, kurangnya tabung kewangan dan seterusnya modal dalam IKS disebabkan oleh kadar pulangan dan untung yang rendah atau sedikit. Kedua, dalam kebanyakan kes, IKS juga memberikan kemudahan kredit kepada pelanggan mereka. Pemberian kredit ini sudah tentu mempengaruhi kedudukan tabungan dan mengurangkan modal pusingan mereka. Terdapat juga kes-kes di mana yang pihak pengusaha IKS terpaksa menanggung kerugian apabila pelanggan mereka tidak membayar balik kemudahan kredit atau pinjaman yang diberikan.

Walaupun terdapat pelbagai bentuk kemudahan kredit dan pinjaman yang disediakan oleh bank-bank dan agensi kewangan yang lain, namun kesukaran mendapatkan kemudahan kredit dan pinjaman oleh sebahagian besar IKS yang beroperasi di Malaysia adalah disebabkan oleh masalah ketiadaan cagaran yang setara atau penjamin yang sesuai. Ini menyebabkan permohonan mereka ditolak oleh pihak bank atau institusi kewangan. Selain itu, tiadanya rekod perniagaan juga menjadi alasan kepada pihak bank untuk menolak permohonan mereka. Perkara seumpama ini disebabkan oleh kebanyakan IKS tidak mempunyai sistem pengurusan akaun yang teratur yang boleh dijadikan sebagai bukti dalam membuat permohonan pinjaman.

Menurut Ishak dan Wook (1989) yang membuat kajian IKS di Malaysia, industri ini juga menghadapi beberapa masalah terutamanya untuk mendapatkan pinjaman. Ini kerana persaingan yang dihadapi daripada industri bersaiz besar. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa kebanyakan IKS menghadapi masalah kewangan dan sukar untuk mendapat pinjaman daripada bank perdagangan. Walaupun kemudahan pinjaman disediakan oleh beberapa agensi kewangan tetapi kedudukan kewangan serta sosioekonomi yang rendah menyebabkan kebanyakan pengusaha IKS tidak mampu membuat pinjaman kerana masalah pembayaran balik dan kadar bunga. Disamping itu, institusi-institusi kewangan didapati lebih cenderung memberikan pinjaman kepada firma-firma besar.

Mohd Khairuddin (2002) yang membuat kajian berkenaan dengan kesan skim jaminan pinjaman ke atas IKS di Kedah dan Pulau Pinang menjelaskan bahawa penubuhan

Perbadanan Jaminan Kredit (PJK) pada tahun 1972 adalah untuk menyediakan pinjaman yang diberikan oleh bank-bank perdagangan kepada pengusaha IKS. Menurut beliau juga, salah satu objektif besar PJK ialah untuk membantu IKS mendapatkan bantuan kewangan terutamanya bagi IKS yang tiada ataupun kekurangan modal untuk menjalankan operasi perniagaan mereka. Ini kerana PJK akan menyediakan beberapa skim pinjaman yang khusus kepada IKS untuk mereka membuat pinjaman di bank perdagangan. Walaubagaimanapun, hasil kajian beliau menunjukkan bahawa proses pinjaman melalui skim ini adalah tidak menggalakkan dan kurang berjaya.

Mohd Nor (2003) dalam kajiannya mendapati wujud beberapa masalah di antara IKS dan bank seperti masalah bersimetri, bencana moral (moral hazard) dan pemilihan sakal (adverse selection)mendapati. Masalah bersimetri berlaku di mana pengurus IKS mempunyai banyak maklumat terhadap kedudukan kewangan dan pandangan terhadap perniagaannya berbanding pihak yang memberikan pinjaman iaitu bank. Biasanya dalam kes IKS, maklumat adalah sukar untuk diperolehi dan pengusaha IKS juga tidak menyatakan secara kuantiti atau kualiti yang sama berkenaan dengan maklumat kedudukan kewangan syarikat atau firma mereka walaupun IKS tersebut adalah syarikat yang telah maju atas sebab keselamatan. Pengusaha IKS juga berasa takut jika maklumat mereka terbongkar dan maklumat tersebut digunakan untuk menentang mereka balik ataupun dikenali sebagai maklumat hentaman. Oleh sebab inilah maka pihak bank berasa ragu-ragu untuk memberikan pinjaman kepada IKS kerana pihak IKS tidak mampu untuk memberikan keterangan sebenar kepada pihak bank.

Selain itu, masalah bencana moral (*moral hazard*) semakin semakin meningkat di antara pengusaha IKS dan pihak bank. Bencana moral ialah suatu keadaan di mana pengusaha IKS membuat pinjaman, tetapi setelah mendapat pinjaman, pengusaha tersebut membuat pelaburan dalam projek yang mempunyai risiko tinggi. Pandangan terhadap risiko akhlak ini merupakan salah satu punca pengusaha IKS seringkali gagal mendapatkan pinjaman daripada pihak bank. Masalah pemilihan sakal (*adverse selection*) pula berlaku di mana pihak bank berhadapan dengan situasi sama ada perlu memberikan pinjaman kepada pengusaha IKS atau sebaliknya. Ini kerana wujud perbezaan maklumat antara bank dan peminjam dan pada masa yang sama berhadapan dengan masalah dalam pemilihan projek yang berisiko kerana maklumat tidak sempurna.

Masalah-masalah di atas merupakan masalah yang sering dihadapi oleh pengusaha IKS ketika membuat pinjaman. Ini adalah kerana pihak bank akan berhati-hati sebelum meluluskan sebarang pinjaman yang dibuat oleh pengusaha IKS untuk mengelakkan sebarang kemungkinan pengusaha IKS gagal membayar balik pinjaman yang dibuat.

Hasnah dan Rahmah (1989) yang telah membuat kajian tentang IKS di Korea Selatan berkenaan perkembangan serta beberapa masalah yang dihadapi oleh industri tersebut mendapati pihak kerajaan Korea Selatan memainkan peranan penting dalam membangunkan IKS tempatan. Ini adalah kerana pihak kerajaan akan membuat saranan atau melalui undang-undang bekerjasama dengan institusi kewangan seperti bank perdagangan untuk memberikan kredit kepada IKS. Antara skim-skim yang disediakan oleh bank perdagangan ialah Pinjaman Pengeluaran Bagi Industri Skel Kecil (*Production Loans for Small Industries*), Pinjaman daripada Dana Harta Terpilih (*Loans From Vested Property Funds*) dan Pinjaman daripada Dana Terkumpul (*Loans From Counterpart Funds*).

Sementara Ennew dan Binks (1996), dalam satu laporan kajian yang dibuat oleh *Forum Private Business* (FPB) berdasarkan 6 101 responden di antara England dan Scotland cuba mengkaji kesan perhubungan di antara bank dan IKS. Dalam kajian mereka, walaupun Scotland dan England merupakan dua wilayah yang terletak dalam satu negara iaitu Britain namun demikian terdapat perbezaan dalam IKS masing-masing. Hasil kajian mereka

mendapati bahawa 29 peratus firma mempunyai hasil pulangan yang kurang daripada 150 000 pound sterling setiap tahun (30% di England dan 25% di di Scotland).

Kajian mereka juga mendapati 17 peratus daripada responden mampu mendapat hasil pulangan hampir 1 juta pound sterling dan hasil kajian mereka akan digunapakai untuk mendefinisikan batas keuntungan di antara perusahaan kecil dan sederhana. Manakala dari segi purata keuntungan, perbezaan IKS tidaklah begitu signifikan iaitu 16.77 peratus di England dan 16.2 peratus di Scotland. Secara keseluruhan, purata keuntungan ialah 16.7 peratus dalam kajian ini dan ini adalah berbeza dengan kajian sebelum ini yang dijalankan oleh kumpulan yang sama iaitu 18.2 peratus. Dalam kes ini, purata keuntungan bagi IKS di kedua-dua tempat didapati telah menyusut. Namun demikian, penyusutan keuntungan firma IKS di Scotland adalah kurang berbanding firma IKS di England. Merujuk kepada laporan kajian mereka juga, lebih kurang 50 peratus hasil pulangan di England telah menurun berbanding sekitar 36 peratus di Scotland. Sementara itu, lebih kurang 52 peratus firma IKS di England adalah berpengalaman dalam pengurusan kewangan berbanding hanya 42 peratus di Scotland.

Madeline dan Faridah (1989) pula membuat penyelidikan IKS di negara Jepun dan mendapati pihak kerajaan Jepun turut membantu dalam memajukan IKS tempatan dengan menyediakan beberapa kemudahan serta undang-undang untuk keperluan IKS.

Menurut mereka, terdapat tiga sumber utama yang memungkinkan IKS memperolehi bantuan kewangan iaitu institusi-institusi kerajaan, swasta dan terdapat juga program pembiayaan khas yang digelar sebagai program jaminan kredit dan insurans kredit. Tiga institusi kewangan kerajaan yang utama ditubuhkan khas untuk membantu IKS adalah *Small Business Finance Corporation* (SBFC), *Peoples Finance Corporation* (PFC), dan *Central Bank for Commercial and Industrial Coorperatives* (CBCIC). Antara bantuan kewangan yang diberikan oleh SFBC dan PFC termasuklah memberi dana untuk peralatan dan juga modal untuk membangunkan IKS yang tidak mendapat sebarang bantuan daripada institusi-institusi kewangan lain.

Bantuan pinjaman juga diberikan kepada sektor perusahaan kecil yang terlibat dalam bidang perusahaan, pembinaan, pengangkutan, percetakan dan pemborongan. CBCIC yang merupakan institusi pembiayaan IKS yang tertua memberikan bantuan dalam bentuk perkhidmatan bagi menjalankan urusan bank untuk IKS yang menjadi ahli di samping melibatkan diri dalam pembiayaan aset-aset perindustrian. Terdapat juga Bank Import-Eksport Jepun dan Bank Pembangunan Jepun yang merupakan institusi kewangan kerajaan yang secara tidak langsung terlibat dalam pemberian pinjaman kepada IKS. Institusi kewangan yang lebih mewakili pihak kerajaan kurang memainkan peranan dalam memberikan pinjaman kerana sumber ini hanya memenuhi 9.7 peratus daripada keperluan kredit berbanding dengan 90.7 peratus oleh pihak swasta (Madeline dan Faridah, 1989).

Secara umumnya, institusi-institusi swasta yang memberikan bantuan kewangan kepada IKS terbahagi kepada dua, iaitu bank dan institusi kewangan persendirian yang mengkhusus dalam IKS. Bank terdiri daripada bank-bank perdagangan, bank tempatan, bank yang memberi kredit jangka panjang dan juga bank amanah. Bank-bank ini merupakan institusi kewangan yang terpenting dari segi memberi bantuan kewangan kerana didapati 47 peratus daripada jumlah pinjaman kepada IKS datangnya daripada sumber ini. Seterusnya institusi kewangan persendirian yang khusus untuk IKS terdiri daripada bank pinjaman dan tabungan bersama (mutual loan and saving bank), kesatuan kredit dan koperasi kredit. Terdapat sedikit persamaan di antara peranan institusi-institusi ini dengan bank, namun demikian, institusi ini mengenakan syarat yang lebih ketat kepada peminjam dan biasanya pinjaman diberikan keutamaan kepada IKS yang menjadi ahli (Madeline dan Faridah, 1989).

Pada tahun 1975, dianggarkan nilai eksport langsung IKS bernilai ¥1,300 billion yen atau 8 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan. Jika sumbangannya terhadap industri besar diambil kira, maka didapati IKS telah menyumbangkan sebanyak 40 peratus daripada jumlah eksport. Di antara tahun 1970 dan 1981, penurunan telah berlaku dalam nilai sumbangan eksport IKS kepada keseluruhan jumlah eksport dari 25.9 peratus ke 14.4 peratus tetapi sumbangan eksport IKS secara tidak langsung dalam industri besar adalah sebanyak 16.5 peratus pada tahun 1981 (Madeline dan Faridah, 1989).

Menurut Harper (1984) yang membuat kajian tentang IKS memberikan fokus kajiannya terhadap permasalahan, sumber kewangan, sistem pengurusan serta taktik pemasaran IKS. Berkenaan dengan sumber kewangan IKS, ia melibatkan pelbagai pihak serta memberikan banyak kesan kepada mereka yang terlibat dalam urusan pinjaman kewangan IKS. Misalnya kesan kepada pihak bank yang akan bertindak sebagai pemberi pinjaman kepada firma IKS. Pihak bank beroperasi untuk mendapatkan sebanyak mungkin untung melalui produk-produk yang ditawarkannya kepada mereka yang berminat untuk menggunakan perkhidmatan bank. Aktiviti utama bank ialah memberikan pinjaman kepada mereka yang memerlukan modal untuk memulakan sebuah perniagaan atau pembiayaan seperti rumah atau kenderaan. Dengan ini, bank akan cuba mencari keuntungan dengan memberikan kadar faedah yang dirasakan mampu memberikan nilai pulangan yang tinggi. Oleh itu, bank akan mengenakan kadar faedah yang rendah atau khas kepada IKS atas saranan pihak bank pusat. Semua ini, berlaku di kebanyakan negara iaitu bank pusat akan campurtangan untuk menetapkan kadar faedah terhadap firma IKS apabila ingin mendapatkan sebarang pinjaman daripada pihak bank tempatan.

IKS adalah satu industri yang perlahan operasinya kecuali bagi firma IKS yang telah beroperasi lama dalam industri ini. Begitu juga dari segi jumlah keuntungan yang diperolehi adalah kurang memuaskan, peluang untuk bertahan lama dalam industri adalah tipis kerana persaingan dengan industri lain serta sistem pengurusan yang tidak sistematik berbanding industri lain. Tindakan kerajaan yang mengenakan kadar faedah rendah kepada firma IKS akan memberikan sinar harapan kepada industri kecil. Pengusaha IKS mungkin dapat membayar nilai pinjaman yang agak kecil serta cepat melunaskan hutang mereka. Dengan ini, firma IKS juga dapat meneruskan operasinya tanpa beban hutang serta jumlah perolehan dapat dilaburkan semula dalam perniagaan untuk dijadikan modal pusingan. Justeru, pengusaha IKS dapat berkembang serta dapat bertahan lama dalam dunia industri kecil dan sederhana ini.

Pihak bank juga sudah tentu akan membuat kajian apabila berurusan dengan pengusaha IKS yang ingin membuat pinjaman kerana bank akan berhati-hati dengan para pelanggannya yang terdiri daripada kumpulan IKS yang mungkin melibatkan kos transaksi, taksiran pinjaman, kebarangkalian untuk tidak dapat bayar balik pinjaman, masalah penjamin termasuklah sistem pengurusan dan pengawalseliaan.

3. Data Dan Metodologi

Data bilangan firma Industri Kecil dan Sederhana (IKS) diperolehi daripada Jabatan Pembangunan Perindustrian Sabah, sementara jumlah pinjaman (PJN) diperolehi daripada buku Laporan Ekonomi Tahunan Bank Negara Malaysia. Data siri masa yang digunakan adalah data tahunan bermula dari tahun 1976 hingga 2005. Kesemua pembolehubah yang digunakan dalam kajian adalah dalam bentuk transformasi log iaitu LIKS = log(IKS) dan LL = log(PJN).

Analisis hubungan dinamik jangka panjang dan jangka pendek dilakukan dengan menggunakan pendekatan Engle-Granger (Engle & Granger, 1987). Walau bagaimanapun,

ujian kepegunan bagi mengesan kewujudan punca unit perlu dilakukan terlebih dahulu untuk menentukan peringkat integrasi bagi setiap siri pembolehubah. Bagi menguji kewujudan punca unit atau ujian kepegunan, kaedah ujian popular yang kebanyakan digunakan ialah ujian Dickey-Fuller (DF) atau Augmented Dickey-Fuller (ADF) dan juga ujian Philip-Perron (PP). Pemilihan panjang lat yang sesuai adalah berdasarkan Kriteria Maklumat Akaike (AIC). Alternatif lain adalah menggunakan Kriteria Maklumat Schwartz (SIC), prosedur Box-Jenkins, korelogram dan sebagainya.

3.1. *Ujian punca unit*

Kebanyakan data makroekonomi siri masa mengandungi punca unit yang disebabkan oleh arah aliran yang berstokastik walaupun dalam sesetengah keadaan arah aliran adalah mengikuti proses perjalanan rawak. Ujian punca unit adalah penting untuk memastikan sesuatu data siri masa itu pegun ataupun tidak. Ini adalah kerana penganggar yang tidak pegun dalam kebanyakan kajian empirikal menghasilkan keputusan yang tidak sah dan memerlukan kaedah yang khusus untuk mengatasi masalah tersebut (termasuklah penggunaan model autoregresi lat tertabur, ARDL).

Ujian punca unit dilakukan dengan menggunakan ujian Dickey-Fuller (DF) atau Dickey-Fuller tambahan (ADF) dan ujian Philips-Perron (PP) seperti dalam persamaan (1), (2) dan (4). Secara umumnya, kaedah-kaedah pengujian ini dapat ditunjukkan seperti berikut:

$$\Delta y_t = \alpha_0 + \delta y_{t-1} + \varepsilon_t \qquad (1)$$

di mana Δ adalah operasi pembezaan pertama, ε_t adalah ralat rawak pegun dan y_t adalah LIKS atau LPJN. Hipotesis nol bagi ujian ini ialah $\delta = 0$. Jika hipotesis nol $\delta = 0$ tidak dapat ditolak, maka set data bagi y_t mengandungi punca unit (tidak pegun).

$$\Delta y_t = \alpha_0 + \delta y_{t-1} + \sum_{i=2}^{p} \beta_i \Delta y_{t-i+1} + \varepsilon_t \qquad (2)$$

di mana p ialah peringkat autoregresif iaitu AR(p) yang sesuai dipilih berdasarkan nilai AIC *(Akaike Information Criterion)* yang paling minimum. Hipotesis $\delta = 0$ akan ditolak jika δ adalah signifikan (negatif). Sementara pengukuran AIC dapat ditunjukkan seperti berikut:

$$AIC(q) = T \ln\left(\frac{SSR}{T}\right) + 2q \qquad (3)$$

di mana T adalah saiz sampel, SSR adalah jumlah kuasa dua ralat atau *sum of squared residuals* dan q adalah bilangan parameter yang bersamaan dengan n + 3.

$$\Delta y_t = \alpha + \beta y_{t-1} + \varepsilon_t \qquad (4)$$

Ujian PP adalah berdasarkan persamaan (4) yang mengikuti proses $AR(1)$. Sementara ADF memperbaiki korelasi bersiri peringkat yang lebih tinggi dengan menambahkan bilangan lat pembolehubah terbeza, ujian PP pula memperbaiki t-statistik terhadap pekali δ daripada regresi $AR(1)$ dalam persamaan (2) untuk menghitung korelasi bersiri di dalam ε. Jadi dapat diperhatikan bahawa, ujian statistik Philips-Perron merupakan ubahsuai ke atas t-statistik Dickey-Fuller dengan mengurangkan kekangan semulajadi terhadap proses ralat.

3.2. *Ujian kointegrasi*

Selepas ditentukan peringkat integrasi bagi pembolehubah-pembolehubah yang terlibat, ujian kointegrasi boleh dilakukan untuk menguji kewujudan kointegrasi antara $LIKS$ dan $LPJN$

dengan menggunakan kaedah kointegrasi Engle-Granger. Menurut Engle dan Granger (1987), selepas dilakukan pengujian punca unit, maka adalah perlu dilakukan ujian kointegrasi untuk mendapatkan peringkat vektor kointegrasi yang boleh meminimakan ralat jangkaan akhir. Oleh itu, untuk menyokong hipotesis bahawa $LIKS$ dan $LIKS$ adalah berkointegrasi, vektor kointegrasi tersebut mestilah pada peringkat 1.

Kaedah ujian kointegrasi oleh Engle-Granger dapat ditunjukkan seperti berikut:

$$LIKS_t = \beta_0 + \beta_1 LPJN_t + e_t \tag{5}$$

Persamaan (5) dianggarkan dengan menggunakan OLS dan diperolehi anggaran bagi ralat $\hat{e}_t$ untuk digunakan bagi menganggar persamaan (6) dan lakukan ujian DF ke atas ralat tersebut:

$$\Delta\hat{e}_t = a_1\hat{e}_{t-1} + \varepsilon_t \tag{6}$$

Berdasarkan persamaan (6), jika hipotesis nol, $a_1 = 0$ tidak dapat ditolak, maka dapat disimpulkan bahawa siri ralat mengandungi punca unit dan tidak pegun. Ini menerangkan bahawa pembolehubah $LIKS$ dan $LPJN$ adalah tidak berkointegrasi. Setelah dilakukan ujian diagnostik ke atas ralat dalam persamaan (6) dan jika didapati bahawa siri ε_t menunjukan kehadiran korelasi bersiri, maka ujian ADF boleh digunakan seperti dalam persamaan (7). Jika $-2 < a_1 < 0$, maka dapat disimpulkan bahawa set ralat adalah pegun dan $LIKS$ dan $LPJN$ boleh berkointegrasi pada CI (1, 1).

$$\Delta\hat{e}_t = a_1\hat{e}_{t-1} + \sum_{i=1}^{n} a_{i+1}\Delta\hat{e}_{t-i} + \varepsilon_t \tag{7}$$

3.3. *Model pembetulan ralat*

Langkah terakhir dalam kajian ini adalah aplikasi model pembetulan ralat dalam memodelkan hubungan dinamik jangka pendek antara $LIKS$ dan $LPJN$. Gambaran utama bagi pembolehubah berkointegrasi ialah laluan masa yang dipengaruhi oleh tambahan terhadap sebarang sisihan daripada keseimbangan jangka panjang. Jika sistem itu kembali kepada keseimbangan jangka panjang, pergerakan sekurang-kurangnya beberapa pembolehubah mesti bertindakbalas terhadap magnitud ketidakseimbangan ini. Model dinamik yang ditunjukkan oleh kajian ini adalah salah satu daripada pembetulan ralat. Dalam model pembetulan ralat, pembolehubah dinamik jangka pendek di dalam sistem adalah dipengaruhi oleh sisihan daripada keseimbangan itu.

Secara umumnya, pembolehubah-pembolehubah siri masa yang tidak pegun seharusnya tidak digunakan dalam model regresi untuk mengelakkan masalah regresi palsu. Terdapat beberapa pengecualian bagi kes ini di mana jika $LIKS_t$ dan $LPJN_t$ adalah pembolehubah-pembolehubah tidak pegun $I(1)$, kita jangkakan bahawa pada peringkat pembezaan atau sebarang kombinasi linear di antara pembolehubah-pembolehubah tersebut misalnya $e_t = LIKS_t - \alpha_0 - \alpha_1 LPJN_t$ juga akan berintegrasi pada $I(1)$. Namun demikian, terdapat kes yang lebih penting di mana $e_t = y_t - \alpha_0 - \alpha_1 x_t$ merupakan proses pegun $I(0)$. Dalam kes ini, $LIKS_t$ dan $LPJN_t$ dikatakan berkointegrasi. Berdasarkan ujian kointegrasi, jika kedua-dua $LIKS$ dan $LPJN$ berkointegrasi, maka vektor kointegrasi tersebut perlu digunakan sebagai elemen pembetulan ralat dalam memodelkan hubungan jangka pendek.

$$LIKS_t = \alpha_0 + \sum_{i=1}^{n} \alpha_{1i} LIKS_{t-i} + \sum_{i=1}^{n} \alpha_{2i} LPJN_{t-i} + u_t \tag{8}$$

$$LPJN_t = \beta_0 + \sum_{i=1}^{n} \beta_{1i} LIKS_{t-i} + \sum_{i=1}^{n} \beta_{2j} LPJN_{t-i} + v_t \quad (9)$$

Secara umumnya, dalam kes di mana *LIKS* dan *LPJN* adalah pembolehubah-pembolehubah pegun *I*(0), persamaan (8) dan (9) boleh dianggar menggunakan kaedah kuasa dua terkecil biasa. Walaubagaimanapun, jika LIKS dan LPJN adalah pembolehubah-pembolehubah tidak pegun *I*(1) dan tidak berkointegrasi, persamaan (10) dan (11) dalam bentuk pembezaan pertama boleh digunakan. Sementara persamaan (12) dan (13) boleh digunakan dalam kes di mana LIKS dan LPJN adalah *I*(1) dan berkointegrasi.

$$\Delta LIKS_t = \alpha_0 + \sum_{i=1}^{n} \alpha_{1i} \Delta LIKS_{t-i} + \sum_{i=1}^{n} \alpha_{2i} \Delta LPJN_{t-i} + u_t \quad (10)$$

$$\Delta LPJN_t = \beta_0 + \sum_{i=1}^{n} \beta_{1i} \Delta LIKS_{t-i} + \sum_{i=1}^{n} \beta_{2j} \Delta LPJN_{t-i} + v_t \quad (11)$$

u_t dan v_t adalah ralat stokastik. *n* adalah panjang lat yang dipilih berdasarkan AIC. *LPJN* adalah penyebab Granger kepada *LIKS* jika dan hanya jika jumlah α_{2i} dalam persamaan (10) adalah signifikan dan jumlah β_{1i} dalam persamaan (11) adalah tidak signifikan. Sebaliknya, *LIKS* adalah penyebab kepada *LPJN* jika jumlah α_{2i} dalam persamaan (10) tidak signifikan dan jumlah β_{1i} dalam persamaan (11) adalah signifikan. Jika kedua-dua jumlah α_{2i} dan β_{1i} signifikan, maka wujud hubungan penyebab Granger dua hala di antara *LIKS* dan *LPJN*.

Sementara itu, jika kita andaikan semua pembolehubah adalah *I*(1), dalam kes di mana *LIKS* dan *LPJN* adalah berkointegrasi, persamaan berikut diguna pakai:

$$\Delta LIKS_t = \alpha_0 + \sum_{i=1}^{n} \alpha_{1i} \Delta LIKS_{t-i} + \sum_{i=1}^{n} \alpha_{2i} \Delta LPJN_{t-j} + \alpha_3 z_{t-1} + u_t \quad (12)$$

$$\Delta LPJN_t = \beta_0 + \sum_{i=1}^{n} \beta_{1i} \Delta LIKS_{t-i} + \sum_{i=1}^{n} \beta_{2i} \Delta LPJN_{t-i} + \beta_3 z_{t-1} + v_t \quad (13)$$

di mana z_{t-1} adalah pembetulan ralat atau vektor kointegrasi yang diperolehi daripada ujian kointegrasi. *LPJN* adalah penyebab kepada *LIKS* jika jumlah a_{2i} atau α_3 dalam persamaan (12) adalah signifikan tanpa menghiraukan β_{1i} dan β_3. Sebaliknya, *LIKS* merupakan penyebab kepada *LPJN* jika β_3 atau jumlah β_{1i} dalam persamaan (13) adalah signifikan tanpa menghiraukan a_{2i} atau α_3. Wujud hubungan penyebab dua hala di antara *LIKS* dan *LPJN* jika kedua-dua jumlah α_{2i} atau α_3 dan jumlah β_{1i} atau β_3 adalah signifikan.

Koefisien α_3 dan β_3 dipanggil sebagai koefisien pembetulan ralat disebabkan kedua-dua koefisien ini menunjukkan berapa banyak perubahan dalam *LIKS* dan *LPJN* bertindakbalas kepada ralat kointegrasi iaitu $LIKS_{t-1} - \alpha_0 - \alpha_1 LPJN_{t-1} = z_{t-1}$ atau $LIKS_{t-1} - \beta_0 - \beta_1 LPJN_{t-1} = z_{t-1}$. Rasionalnya adalah kerana ralat tersebut akan membawa kepada pembetulan disebabkan oleh syarat-syarat yang dikenakan ke atas α_3 dan β_3 untuk memastikan syarat kestabilan dipenuhi iaitu ($-1 < \alpha_3 \leq 0$) dan ($0 \leq \beta_3 < 1$). Sebagai contoh, ralat positif, $z_{t-1} > 0$ wujud adalah disebabkan oleh $LIKS_{t-1} > (\alpha_0 + \alpha_1 LPJN_{t-1})$. Nilai koefisien pembetulan ralat yang negatif (α_3) dalam persamaan pertama iaitu persamaan (12) adalah untuk memastikan kejatuhan dalam perubahan $LIKS_t$ ($\Delta LIKS_t$), sementara koefisien pembetulan ralat yang positif (β_3) dalam persamaan yang kedua iaitu persamaan (13) adalah untuk memastikan peningkatan dalam perubahan $LPJN_t$ ($\Delta LPJN_t$). Nilai kedua-dua koefisien pembetulan ralat kurang daripada 1 dalam nilai mutlak adalah untuk memastikan bahawa sistem persamaan tersebut stabil.

4. Analisis Keputusan Empirikal

Pengujian punca unit adalah berdasarkan ADF. Hasil keputusan ujian punca unit seperti dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa kedua-dua siri pembolehubah adalah tidak pegun peringkat aras. Ini bermakna, kedua-dua pembolehubah adalah pegun dan boleh berintegrasi pada peringkat pembezaan pertama, *I*(1). Oleh kerana terdapat siri pembolehubah yang menunjukkan sifat kewujudan trend seperti dalam Rajah 1, maka andaian pemalar dan trend yang digunakan dalam ujian punca unit dimasukkan dalam persamaan (2).

Jadual 3: Ujian Punca Unit (Augmented Dickey-Fuller, ADF)

	Andaian: Pemalar Dengan Trend	
Pembolehubah	Aras	Pembezaan Pertama
LIKS	-2.83197	-4.35668*
LPJN	-2.59043	-4.18916*

Nota: *(**) adalah signifikan pada aras 5%(1%). Panjang lat yang optima dipilih berdasarkan AIC.



Rajah 1: Trend Bagi Pembolehubah IKS dan PJN

Ujian kointegrasi adalah berdasarkan pendekatan dua peringkat Engle-Granger. Peringkat pertama adalah dengan melakukan analisis regresi ke atas persamaan 5 hingga persamaan 7 (sama ada menggunakan persamaan 6 ataupun persamaan 7 bergantung kepada andaian kewujudan autokorelasi atau korelasi bersiri dalam siri ralat) dan peringkat kedua adalah melakukan penganggaran atau analisis regresi ke atas model pembetulan ralat (dalam kajian ini, persamaan (10) dan persamaan (11) diguna pakai). Hasil keputusan ujian kointegrasi adalah seperti berikut:

$$\Delta\hat{e}_t = -0.56934\hat{e}_{t-1} - 0.18096\Delta\hat{e}_{t-1} \qquad (14)$$

(*tau*) (-2.28003) (-0.89843)

Nilai kritikal bagi ujian kointegrasi berdasarkan Engle dan Granger pada 5% adalah -3.17 seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Nilai Kritikal Bagi Ujian Kointegrasi Engle-Granger

(Hipotesis Nol: Tiada Kointegrasi)

	0.01 @ 1%	0.05 @ 5%	0.10 @ 10%
Tanpa Lat	-4.07	-3.37	-3.03
Dengan Lat	-3.73	-3.17	-2.91

Sumber: Enders (1995).

Walaupun nilai koefisien bagi $\hat{e}_{t-1}$ iaitu $-2 < -0.569 < 0$, tetapi tidak signifikan di mana nilai *tau* mutlak bagi koefisien $\hat{e}_{t-1}$ kurang daripada nilai kritikal iaitu $|2.28| < |3.17|$. Ujian ini menyimpulkan bahawa kedua-dua pembolehubah IKS dan PJN tidak berkointegrasi dalam jangka panjang. Ini membawa maksud bahawa tidak wujud hubungan keseimbangan jangka panjang di antara IKS dan PJN.

Oleh itu, analisis ke atas model pembetulan ralat seperti persamaan (12) dan persamaan (13) tidak sesuai digunakan kerana tidak wujud vektor kointegrasi di antara IKS dan PJN. Sebaliknya, persamaan (10) dan persamaan (11) dalam bentuk pembezaan pertama digunakan tanpa elemen pembetulan ralat untuk menganalisis hubungan dinamik jangka pendek antara IKS dan PJN. Hasil keputusan ujian ditunjukkan dalam Jadual 5. Namun demikian, hasil ujian dalam kajian ini juga gagal menunjukkan kewujudan hubungan jangka pendek di antara IKS dan PJN.

Jadual 5: Model Pembetulan Ralat

	ΔLIKS	ΔLPJN
C	0.01182 (0.01181)	0.04522 (2.39999)
$\Delta LIKS_{t-1}$	-0.47525 (-2.60252)	-0.01170 (-0.34022)
$\Delta LPJN_{t-1}$	0.04985 (0.15903)	0.51486 (8.72260)
R^2	0.22871	0.76985
Nisbah Kebolehjadian Log	-12.19949	38.46714
AIC	1.16919	-2.17029
Statistik-F Granger	0.02529	0.11575
LM	0.00009	0.09079

Nota: *(**) signifikan pada 5%(1%). Nilai dalam kurungan ialah t-statistik. F adalah statistik-F Granger dan LM = Pengganda Lagrange Breusch-Godfrey untuk ujian korelasi bersiri berdasarkan lag yang dipilih menggunakan AIC.

5. Kesimpulan

Industri kecil dan sederhana yang berperanan dalam memacu pembangunan ekonomi negara misalnya banyak menerima kesan negatif ekoran ketidaktentuan persekitaran ekonomi global ditambah dengan masalah kemudahan pembiayaan kewangan (pinjaman kewangan) yang semakin meruncing. Kesukaran mendapatkan kemudahan kewangan kerapkali menjadi tembok penghalang kepada kebanyakan usahawan kecil khususnya ketika memulakan perniagaan. Proses kelulusan yang lambat, syarat-syarat pinjaman yang terlalu ketat khususnya melibatkan penjamin dan sebagainya merupakan antara faktor yang boleh

membantutkan pertumbuhan dan perkembangan industri kecil dan sederhana. Persoalannya di sini, adakah pembiayaan kewangan atau pinjaman kewangan merupakan faktor terpenting dalam pertumbuhan industri kecil dan sederhana?

Hasil kajian kami mendapati bahawa walaupun pada dasarnya, kejayaan industri kecil dan sederhana banyak dikaitkan dengan kemudahan pembiayaan kewangan sama ada dalam jangka pendek mahupun jangka panjang, namun ini tidak bermakna bahawa kemudahan pembiayaan kewangan merupakan faktor yang terpenting dalam pembangunan industri kecil dan sederhana. Malah, ia mungkin lebih berperanaan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri ini khususnya di negeri Sabah. Tanpa kemudahan pinjaman kewangan, terdapat usahawan-usahawan kecil yang masih mampu memulakan perniagaan. Sumber modal mungkin diperolehi hasil daripada simpanan atau tabungan yang dibuat sendiri selepas sekian lama bekerja dengan orang lain, sumber pinjaman daripada rakan-rakan, keluarga dan sebagainya. Namun dengan kewujudan kemudahan pinjaman kewangan daripada institusi-institusi kewangan dan perbankan misalnya, tidak dapat dinafikan bahawa pertumbuhan dan perkembangan industri ini sudah tentu akan menjadi lebih cepat dan pesat. Peranan kemudahan pinjaman kewangan ini sebagai faktor pemangkin mungkin lebih tepat digunapakai memandangkan kepentingannya sebagai pergerak pantas kepada industri kecil dan sederhana ini.

Rujukan

Bank Negara Malaysia. 1999. *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan Di Malaysia Perubahan Sedekad.* Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Barrow, C. 1993. *The Essence of Small Business*. Hertfordshire (UK): Prentice Hall.

D.J Storrey. 1994. *Understanding The Small Business Sector*. London: Routledge
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Enders, W. 1995. *Applied econometric time series*. New York: John Wiley & Sons, Inc.

Engle, R. F. and Granger, C. W. J. 1987. Co-integration and error correction representation, estimation and testing. *Econometrica*, 55(2): 251-276.

Ennew, C.T dan Binks, M. R. 1996. Bank and Small Businesses. An Anglo-Sottish Comparison. *Small Firm Formation and Regional Economic Development.* 5. 81-98

Europe and USA. New York: Routledge.

Harper, M. 1984. *Small Businessin the Third World*. Avon (Great Britain): John Wiley and Sons Limited.

Hasnah Ali dan Rahmah Ismail. 1989. Industri Skel Kecil di Korea Selatan. *Industri-industri Kecil*. 6. 198-230

Hubrich, K., Lutkepohl, H. and Saikkonen, P. 2001. A review of systems cointegration tests. *Econometrics Reviews*, 20(3): 247-318.

IMF. 1980. *International Financial Statistics Yearbook*.

IMF. 1990. *International Financial Statistics Yearbook*.

IMF. 2001. *International Financial Statistics Yearbook*.

Ishak Shari dan Wook Endut. 1989. Industri Kecil di Malaysia: Perkembangan, Struktur dan Permasalahannya. *Industri-industri Kecil*. 1. 1-47

Ishak Shari. 1989. *Industri Kecil di Malaysia, Perkembangan Struktur di Malaysia*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn Bhd.

Jeffrry G. Kitingan. 1988. *Sabah 25 Years Later 1963-1988*. Kota Kinabalu: Institut Kajian Pembangunan Sabah.

Johnson Pang. 1991. *Pengurusan Bank di Malaysia*. Petaling Jaya: Longman.

Karmel, S.M. 2002. *A Comparison of Small and Medium Sized Enterprise in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laporan Ekonomi Tahunan. Bank Negara Malaysia. Pada http.//www.bnm.gov.my.

Madeline Berma dan Faridah Shahadan. 1989. Industri Bersaiz Kecil dan Sederhana di Jepun. *Industri-industri Kecil*. 6. 237-265.

Mohd Asri Hj Abdullah. 1997. *Industri Kecil di Malaysia, Pembangunan dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Khairuddin Hashim. 2002. *Small and Medium Sized Enterprise in Malaysia*.

Mohd Nor Mohd Sharif. 2003. *An Evalution of A Government Lacked Loan Scheme in Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Mohd Rosli Mohammad. 2003. *Industri kecil dan Sederhana. Landasan Pembangunan Usawahan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Sani Md Said. 2005. CGC Jadi Penghubung Antara Bank Dengan PKS. *Majalah Ekonomi*, November: 16-17.

Mutazar Abd Ghani dan Zainab Modh Yatim. 2006. *SME Bank Lulus Pinjaman RM335J*. Berita Harian, 28 Januari.

Ng, S. and Perron, P. 2001. Lag length selection and the construction of unit root test with good size and power. *Econometrica*, 69(6): 1519-1554.

Nor Liza Ahmad. 2005. *Pertumbuhan PKS Rancak*. Berita Harian, 28 Disember.

Othman Yong. 1993. *Pasaran dan Industri Kewangan di Malaysia*. Kuala Lumpur.

Philips, P. C. B. 1987. Time series regression with a unit root. *Econometrica*, 55(2): 277-301.

Rosli Mahmood. 1983. *Undang-undang dan Amalan Urusan Bank*. Shah Alam: ITM.

Shamsuddin Ismail. 2002. *Pengurusan Bank Perdagangan di Malaysia Jilid 1*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.

SME Bank Pendekkan Tempoh Pemprosesan. 2006. Berita Harian, 18 Mei.

Weber, C. E. 2001. Alternative lag length selection criteria and the split-trend stationarity hypothesis. *Applied Economics*, 33: 237-247.